

Pemandu cuai : Kerajaan sedia kaji penjara mandatori

BENTONG – Kementerian Pengangkutan sedia mengkaji pendekatan lebih radikal dalam membendung peningkatan kes kemalangan jalan raya melalui pelaksanaan hukuman penjara mandatori kepada pemandu cuai yang menyebabkan kematian pengguna jalan raya lain.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, kerajaan sentiasa memberikan komitmen berterusan dalam menguatkuasakan undang-undang di negara ini agar pengguna jalan raya lebih berhemah dan mematuhi peraturan ditetapkan.

"Kita tahu bahawa kelajuan membunuh dan masalah kemalangan jalan raya meningkat setiap hari sehingga kita terpaksa mengadakan pelbagai langkah dari segi kempen kesedaran, pendidikan, penguatkuasaan, kejuruteraan jalan raya dan sebagainya yang dilaksanakan berkali-kali. "Justeru, kita akan kaji cadangan sebegini sama ada memenuhi kehendak rakyat kerana dalam negara kita semua dasar yang dibuat perlu memenuhi aspirasi rakyat dan aspirasi negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan karnival amal MOH Kita Sihat di Dewan Sultan Haji Ahmad Shah disini, hari ini. Yang hadir sama ialah Pegawai Daerah, Datuk Azhar Arshad, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Bentong, Datuk Mohammad Shahid Ismail dan Pengarah Hospital Bentong, Dr. Kamariah Ghazali. Dalam ruangan forum Utusan Malaysia hari ini, Ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya, Tan Sri Lee Lam Thye menyatakan sudah tiba masanya kerajaan memperkenalkan hukuman penjara mandatori kepada pemandu cuai sehingga menyebabkan kematian penumpang bas yang tidak berdosa atau pengguna jalan raya lain.

Lam Thye berkata, langkah mengenakan hukuman penjara mandatori adalah amat bersesuaian pada masa ini kerana nyawa orang ramai seolah-olah bergantung kepada sikap belas ihsan pemandu bas dan kenderaan berat lain. Menurut Tiong Lai, meskipun terdapat undang-undang yang boleh mengenakan hukuman penjara kepada pemandu cuai pada masa ini tetapi hukuman penjara mandatori masih belum dilaksanakan.

Beliau memberitahu, kebanyakan pemandu yang didapati bersalah melanggar peraturan jalan raya pada masa ini, dikenakan hukuman kompaun atau digantung lesen memandu. "Sekarang terpulang kepada kebijaksanaan hakim untuk menjatuhkan hukuman penjara yang mana banyak individu dikenakan hukuman penalti tetapi hukuman penjara agak kurang kecuali kemalangan maut melibatkan ramai mangsa terkorban."